



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA**

**SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2026  
ZON BORNEO**

**LOKASI/ TARIKH/ MASA**

**HOTEL PULLMAN, KUCHING/ 28 JANUARI 2025 (RABU)  
3.00 PETANG**

*Kemas kini 27 Januari 2026*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur  
dan Salam Malaysia MADANI.

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya dapat kita berhimpun pada petang ini sempena **Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026 Zon Borneo.**

2. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Premier Sarawak atas kesudian beliau untuk bersama kita pada petang ini.
3. Terima kasih juga kepada Jabatan Pembangunan Wanita dan semua pihak yang menjayakan program yang amat bermakna ini.

Hadirin yang dihormati,

4. Hari ini kita berkumpul untuk menghargai wanita — wanita yang membesarkan keluarga, membantu ekonomi, menjaga komuniti dan menjadi kekuatan di Borneo ini.

Selepas Sabah menjadi tuan rumah tahun lalu, tahun ini giliran Sarawak pula kita raikan Sambutan Hari Wanita Zon Borneo.

5. Wanita merangkumi hampir separuh penduduk di negara kita. Sumbangan wanita melengkapkan setiap usaha pembangunan yang kita laksanakan. Wanita telah melangkah jauh, namun masih banyak ruang untuk diperbaiki. Sebab itulah Hari Wanita Antarabangsa disambut — **untuk kita menghargai pencapaian wanita hari ini, sambil memperkukuh usaha membuka lebih banyak ruang dan peluang pada masa hadapan.**

6. Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghormatan kepada mendiang **Profesor Dato' Dr. Madeline Berma**, seorang tokoh akademik yang lantang memperjuangkan suara wanita dan masyarakat luar bandar. Jasa dan legasi beliau mengingatkan kita bahawa ilmu, keberanian dan keikhlasan seorang wanita mampu membawa perubahan besar kepada rakyat.

7. Pemergian beliau adalah satu kehilangan besar buat Sarawak dan negara. Namun legasi perjuangan beliau mengingatkan kita bahawa ilmu, keberanian dan keikhlasan seorang wanita mampu mengubah kehidupan ramai. Inilah semangat yang harus kita teruskan.

Puan-puan dan tuan-tuan yang dihormati sekalian,

8. Di KPWKM, kami percaya pemeraksanaan wanita mesti dirasakan dalam kehidupan seharian. Sebab itu pendekatan kita ialah turun padang — mendekati komuniti, mendengar sendiri keperluan mereka, dan memastikan tidak ada wanita Sarawak yang tercicir.

9. Dari sudut ekonomi, kita melaksanakan program **Wanita Dinamik** untuk membantu wanita menjana pendapatan dan berdikari. Sejak 2021, seramai **21,274 wanita di seluruh negara telah dibantu**, dan di Sarawak sahaja **hampir 8,000 wanita menerima manfaat**, termasuk hampir **300 orang yang bersama kita hari ini**. Setiap peserta diberi geran RM500 untuk perusahaan kecil masing-masing. Khusus untuk Sarawak, **hampir RM4 juta diperuntukkan** bagi menyokong peluang keusahawanan mereka.

10. Kita juga memperkuat kepimpinan melalui program **PERANTIS**. Seramai **100 wanita** dipilih di **seluruh negara**, dan **11 daripadanya dari Sarawak**. Mereka menerima **geran RM50,000** untuk melatih wanita lain dalam bidang kepimpinan, kreatif dan keusahawanan. Secara keseluruhan, inisiatif ini telah memberi manfaat kepada **4,122 peserta termasuk 644 dari zon Borneo**.

11. Pada masa yang sama, kesihatan wanita tidak boleh diketepikan. Melalui LPPKN, tahun ini **32,000 wanita disasarkan menjalani saringan kanser serviks melalui ujian HPV DNA**. Di Sarawak, **Kampung Santubong dipilih sebagai lokasi perintis**, dan sejak beberapa tahun lalu **lebih 53,000 wanita Sarawak telah disaring**, membolehkan kes dikesan lebih awal dan nyawa diselamatkan.

12. Setiap usaha ini menunjukkan komitmen Kerajaan Persekutuan untuk memastikan wanita Sarawak bukan sahaja dilindungi, tetapi diberi pemerkasaan — daripada aspek pendapatan, kepimpinan hinggalah kesihatan. Apabila wanita berdikari dan sihat, seluruh keluarga akan lebih sejahtera.

13. Namun kita sedar, agenda ini tidak boleh digalas oleh satu pihak sahaja. Kerajaan, komuniti, NGO dan sektor swasta perlu terus bekerjasama supaya setiap wanita, walau di bandar atau di pedalaman, mendapat peluang yang sama.
14. Tema kita hari ini, ***Memartabat Wanita, Memperkukuh Negara***, mengingatkan kita bahawa kekuatan negara bermula daripada kekuatan wanita. Jika wanita kita yakin, berilmu dan berdaya saing, masa depan Sarawak pasti lebih cerah.

15. Dengan semangat itu, saya yakin di bawah kepimpinan YAB Premier Sarawak dan kerjasama erat antara Kerajaan Sarawak dan Kerajaan Persekutuan, agenda pemerkasaan wanita di Bumi Kenyalang akan terus diperkukuh.

Sekian,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**  
**28 Januari 2025**